

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB MARIA CHIN ABDULLAH  
(PETALING JAYA)**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN MARIA CHIN ABDULLAH [ PETALING JAYA ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah isteri/ wanita warga Malaysia akan mempunyai hak yang sama seperti lelaki/ suami warga Malaysia Ketika memberikan kewarganegaraan untuk anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara kerana proses birokrasi yang ada mengambil jangka masa yang panjang dan memberi tekanan kepada wanita dan kanak-kanak yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua lelaki dan wanita warganegara Malaysia mempunyai hak dan peluang sama rata dalam memperolehi kewarganegaraan Malaysia bagi anaknya yang lahir di luar negara selaras dengan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

Kementerian juga sedang melaksanakan tindakan segera secara berperingkat terhadap semua permohonan kewarganegaraan yang diterima di Kementerian. Setiap permohonan akan diproses dengan teliti bagi memastikan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang sedang berkuatkuasa.

Kementerian sentiasa berusaha untuk memudahcara setiap permohonan yang dikemukakan selaras dengan perundangan yang sedang berkuat kuasa. Selain daripada itu, Kementerian juga akan mengkaji perkara ini bagi mendapat polisi baharu Kerajaan bagi memudahkan ibu-ibu melahirkan anak mereka di luar negara walaupun berkahwin dengan warganegara asing.